

## DOA AKHIR TAHUN

dibaca 3 kali di penghujung waktu asar sebelum masuk waktu maghrib

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Penyayang,  
Segala puji bagi Allah, Tuhan pentadbir seluruh alam.

Semoga Allah cururkan rahmat dan sejahtera atas junjungan kami Nabi Muhammad SAW  
serta keluarga dan sahabat-sahabat Baginda sekalian.

Ya Allah wahai Tuhan kami, perkara-perkara yang telah kami lakukan daripada perbuatan-  
perbuatan yang Engkau larang dalam tahun ini maka kami belum bertaubat daripadanya,  
padahal Engkau tidak meredai dan Engkau memang tiada lupakannya (Tuhan tidak bersifat lupa)  
dan Engkau berlembut tidak mengazabkan kami malah memberi peluang supaya  
kami bertaubat selepas kami menceburkan diri melakukan maksiat itu.

Maka kami sekalian mohon keampunan-Mu.

Ya Allah, ampunilah kami dan mana-mana perbuatan yang telah kami lakukan  
tahun ini yang Engkau redai dan yang telah Engkau janjikan ganjaran pahalanya.

Maka kami mohon diperkenankan akan (amal bakti) yang telah kami lakukan itu  
dan Engkau tidak menghampakan harapan kami.

Ya Allah Tuhan Yang Maha Pemurah

## DOA AWAL TAHUN

dibaca 3 kali selepas solat Maghrib

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Semoga Allah sentiasa melimpahkan rahmat dan keselamatan kepada junjungan  
kami Nabi Muhammad SAW, beserta keluarga dan sahabatnya.

Ya Allah, Engkaulah Yang Abadi, Dahulu, lagi Awal.

Segala puji bagi Allah, Tuhan pentadbir seluruh alam. Semoga Allah cururkan rahmat dan sejahtera  
atas junjungan Kami Nabi Muhammad SAW serta keluarga dan sahabat-sahabat Baginda sekalian.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang kekal selama-lamanya, sedia ada, tiada permulaan.

Kelebihan-Mu Maha Besar dan kemurahan-Mu sangat-sangat diharapkan.

Tibalah sudah tahun baru, kami mohon kepada-Mu agar terpelihara kami sekalian  
di dalam tahun baru ini daripada tipu daya syaitan-syaitan yang terlaknat,  
juga daripada kuncu-kuncu syaitan dan bala tenteranya.

Dan kami mohon daripada-Mu akan pertolongan mengalahkan runtunan  
nafsu amarah yang mendorong kepada kejahatan.

Kami mohon juga kepada-Mu Ya Allah, akan rasa sedia ingin membuat kerja-kerja  
kebajikan yang boleh mendampirkan diri kami kepada-Mu.

Ya Allah Tuhan Yang Maha Agung Lagi Mulia.

Ya Allah Tuhan yang sebaik-baik yang mengurniakan rahmat.

Salam  
**AAL HIJRAH**

1434





## Perutusan Dato' Menteri Besar Selangor, YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim Sempena Sambutan Maal Hijrah 1434

**Bismillahirrahmanirrahim,  
Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh**

**S**yukur alhamdulillah, Allah SWT masih memberi peluang dan ruang kepada kita di negeri Selangor Darul Ehsan khususnya, agar terus menikmati kemakmuran dan keharmonian hidup hingga ke tahun baharu 1434 Hijrah.

Hijrah mendukung tiga pengertian penting, iaitu meninggalkan negeri asal yang diperintah oleh golongan kafir, menjauhkan diri daripada dosa, dan permulaan tarikh Islam.

Maal hijrah yang diadakan sempena 1 Muharam, adalah majlis yang dimeriahkan sempena mengingati dan mengambil pengajaran daripada peristiwa hijrah Rasulullah SAW dan para sahabat baginda.

Rasulullah bersama rombongan, yang selepas menerima wahyu daripada Allah SWT, melakukan hijrah dari Makkah ke Madinah, pada sekitar tahun Masihi 622. Tarikh itu juga diterima sebagai kiraan bagi kalendar hijrah atau takwim Islam.

Firman Allah SWT dalam surah An-Nisa', ayat 100, yang bermaksud: "Dan sesiapa yang berhijrah di jalan Allah, nescaya dia dapati di bumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki yang makmur, dan sesiapa yang keluar dari rumahnya untuk berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian dia mati, sesungguhnya sudah tetap pahala hijrahnya di sisi Allah. Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani."

Setelah lebih seribu empat ratus tahun berlalu, kita perlu sedar betapa kejayaan hijrah Nabi Muhammad SAW itu kini menjadi jambatan tertegaknya Daulah Islamiah kerana hijrah tersebut dipandu dan didukung oleh keimanan dan ketakwaan yang jitu. Kejayaan hijrah itu juga turut mengubah lanskap akidah, ibadah, akhlak dan gaya hidup ummah ketika itu.

Bagi negeri Selangor, yang penduduknya kini lebih 5.4 juta orang dan nisbah kelompok Islam hampir-hampir seimbang dengan peratusan kelompok bukan Islam, maka saya sebagai Datuk Menteri Besar, yang turut membantu Duli Yang Maha Mulia Sultan berhubung dengan ehwal Islam di negeri ini, amat berharap agar semua pihak berusaha mengekalkan perpaduan dan keharmonian antara kaum, misalnya dengan tidak cuba menghina atau mempersenda apa-apa sahaja amalan keagamaan kaum-kaum lain.

Usaha kita ini sebenarnya bagi mematuhi firman Allah dalam surah al-An'am, ayat 108, yang bermaksud; "Janganlah kamu memaki patung atau berhala yang mereka sembah selain Allah, kerana mereka nanti bertindak memaki Allah dengan melampaui batas tanpa dasar pengetahuan.

Demikianlah, Kami (Allah) jadikan setiap umat menganggap baik pekerjaan mereka. Kemudian kepada Allah tempat kembali mereka, lalu Allah memberitahu mereka perkara-perkara yang mereka lakukan (semasa di dunia)."

Berhubung dengan sambutan Maal Hijrah 1434, sebagaimana lazimnya, pelbagai usaha dan cara dilakukan oleh umat Islam untuk menyambut kedatangan tahun baharu ini. Perkara yang ditekankan di sini, bahawa dalam apa pun cara menjalani kehidupan di dunia ini, termasuk menyambut pelbagai perayaan keagamaan, kita semua harus berhemat atau tidak boros dalam hal berbelanja baik terhadap harta atau kepunyaan diri.

Sangat ditegah oleh Allah jika kita sewenang-wenangnya menyalahgunakan harta milik orang lain, apatah lagi menyalahgunakan kuasa lantas menggunakan harta milik negara bagi faedah diri dan keluarga atau kroni.

Justeru, marilah kita membetulkan kesilapan dan dosa yang dilakukan pada tahun Hijrah 1433 lalu, misalnya kita sering sibuk kerana mengejar kesenangan dunia sehinggakan sering meninggalkan sembahyang, tidak membaca al-Quran dan sering berkata-kata dusta.

Sebaliknya, bermula 1 Muharam Tahun Hijrah 1434 ini, marilah bersama kita berusaha untuk meningkatkan keimanan, atau berhijrahkan diri ke arah kebaikan.

Akhir kata, semoga usaha kita yang murni ini sentiasa direcai Allah SWT dan kita semua mendapat keberkatan.

**Selamat Menyambut Maal Hijrah 1434.  
Wassalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh.**





## Perutusan Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Datuk Seri Anwar Ibrahim Sempena Sambutan Maal Hijrah 1434

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.  
Alhamdulillah Nah Mahduhu Wa Nusalli Ala Rasulil Karim**

**S**empena sambutan Maal Hijrah yang merupakan satu peristiwa bersejarah Nabi Muhammad SWT berpindah, hijrah dari Makkah ke Yathrib yang kemudian disebut Madinatun Nabi atau Madinatun An Munawarah.

Itu titik sejarah yang sangat penting.

Saya masih ingat Sarjana Islam berasal Palestin dari Universiti Philadelphia, Almarhum Ismail Al-Faruqi, menyebut sebagai satu fenomena sejarah luar biasa kerana menegakkan satu sistem baru meninggalkan aspek perkauman sempit, sistem yang zalim, tetapi meletakkan satu sistem berdasarkan akidah, keadilan dan kemanusiaan.

Kata dia, 'ecumenical community par excellence'.

Bukan sahaja masyarakat itu beragama, masyarakat itu harmonis, tetapi yang menjana perubahan ke arah kebaikan dan kecemerlangan.

Suatu aspek lain dalam hijrah ini ialah kerana dijadikan tarikh awal tahun Islam, Muharram untuk meletakkan suatu peralihan dalam sejarah.


Dan bila dibahaskan tidak dipilih tarikh lahir Nabi Muhammad SAW, tetapi tarikh bergerak dalam satu perjuangan.

Dan ini satu-satunya yang unik ataupun luar biasa dalam sejarah mana-mana peradaban, mana-mana agama, mana-mana ideologi bahawa kita mengimarahkan dan menjadikan tarikh landasan perjuangan.

Peralihan meninggalkan sistem lama yang dikaitkan dengan perkauman sempit dan assabiyyah yang zalim, yang menindas, yang khurafat kepada sistem baru yang menjamin sesuatu yang lebih adil berlandaskan kekuatan akidah dan tauhid.

Semoga Allah SWT merestui semangat sambutan kita dengan hasrat menjana perubahan ke arah kebaikan, islah mastata'tum, perubahan sedaya upaya kita menghayati semangat hijrahtun Nabi Muhammad SAW.

**Sekian  
Salam hijrah untuk keadilan**







# Selangor

Penggerak Kemajuan Saksama



# Kini

PERCUMA 16 - 23 November 2012, 2 - 9 Muharram 1434

Skim Takaful Seroja lindungi petugas kejiaran

muka 6

Rizab Negeri bina jambatan ketiga di Klang

muka 4

Anwar: PR tidak abai masyarakat India

muka 5



## TERUJA...

peserta-peserta berkhatan diraikan dengan semburan air pada Majlis Berkhatan dan Bayi Baru Lahir, anjuran Pertubuhan Pekerja-Pekerja Islam (Pekerti) MPK yang berlangsung di Dewan Hamzah, Klang. Majlis dilangsungkan serentak dengan bermulanya musim cuti persekolahan

# AES tidak jamin kurang kemalangan

Selangor Tangguh Pelaksanaan

Oleh NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri Selangor menangguhkan pelaksanaan sistem penguatkuasaan automatik (AES) kerana tidak yakin ia boleh mengurangkan kemalangan jalan raya.

Selain itu, perjanjian antara Kerajaan Pusat dengan syarikat-syarikat yang memasang dan mengutip saman tersebut bakal mengaut untung sebanyak 17 peratus, satu jumlah yang tidak boleh diterima, kata Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Manakala Ahli Parlimen Pakatan Rakyat (PR) mendedahkan ba-

**Ahli Parlimen Pakatan Rakyat (PR) mendedahkan bahawa di negara-negara yang pernah melaksanakan AES seperti England, Sweden dan Australia, sistem itu tidak berkesan dalam mengurangkan kadar kemalangan**

hawa di negara yang pernah melaksanakan AES seperti England, Sweden dan Australia, sistem itu tidak berkesan dalam mengurangkan kadar kemalangan.

Malah keraguan dalam pelaksanaan AES mengakibatkan Ahli Parlimen Umno-BN sendiri dan Pemuda Umno, turut mendesak Kerajaan Pusat pimpinan Datuk Seri Najib Razak menangguhkan pelaksanaan sistem itu.

Abdul Khalid memutuskan

satu penilai bebas akan mengkaji sama ada Kementerian Pengangkutan mengambil kira secara menyeluruh langkah-langkah yang sepatutnya digunakan sebelum memutuskan untuk mengguna pakai AES.

"Kerajaan Selangor tidak akan benarkan penguatkuasaan kamera AES yang dipasang di negeri ini.

"(Ini) kerana Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) gagal buktikan AES adalah cara terbaik untuk mengatasi peningkatan kadar kemalangan jalan raya," kata Abdul Khalid di dalam kenyataan media minggu lepas.

Keputusan tersebut bermakna, JPJ tidak mendapat kelulusan untuk memasang kamera AES di mana-mana jalan raya di Selangor, sekali gus menjadikan sistem itu tidak boleh dilaksanakan di Selangor.

Dalam ceramah di Cheras bersama Abdul Khalid baru-baru ini, Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar menjelaskan bahawa kajian yang dibuat di sesetengah bandar di England dan Australia mendapati kamera AES tidak mengurangkan kadar kemalangan.



lihat muka 2



## Rakyat sokong penangguhan AES

SHAH ALAM - Langkah Kerajaan Negeri Selangor menangguhkan pelaksanaan Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) mendapat sokongan rakyat negeri ini.

Tinjauan Selangor Kini mendapati rakyat tidak puas hati terhadap keputusan mendadak Kerajaan Pusat tanpa mendapat pandangan orang ramai dan pakar.

Bagi Mohinderjit Abdullah, 36, pelaksanaan AES bukan hanya memudaratkan pengguna jalan raya, malah diletakkan di tempat yang tidak sesuai dan mengundang bahaya.

Malah katanya, kebanyakan ahli keluarga serta rakan-rakannya tidak terkecuali daripada menjadi sasaran AES, malah ada yang menerima 10 saman dalam tempoh sebulan.

"Bagi saya, ia sudah jelas membuktikan bahawa pelaksanaannya hanya akan membebankan rakyat dan langsung tidak masuk akal. Justeru, tindakan Kerajaan Negeri Selangor menghalang penggunaan AES harus dipuji dan disambut baik," katanya yang berkhidmat sebagai jurutera.

Hal sama turut disokong Yau Kian Doon, 52, yang menyifatkan bahawa keputusan Kerajaan Negeri itu adalah wajar dan perlu disokong oleh masyarakat.

"Tindakan Kerajaan Negeri Selangor itu membuktikan keprihatinan mereka untuk membantu rakyat. Sudahlah kita dibebankan dengan kos hidup yang tinggi, kini Kerajaan Pusat



Yau Kian Doon



Taufik Mokhtar

mahu tambah lagi beban kepada rakyat," katanya.

Bagi Taufik Mokhtar, 64, tindakan menangguhkan AES harus dipuji kerana ia membuktikan bahawa Kerajaan Negeri memahami kesusahan rakyat.

Beliau yang bekerja sebagai pemandu teksi berharap supaya pelaksanaan AES tidak akan dilakukan demi memastikan rakyat tidak dibebankan dengan bayaran saman.

"Kita sesama rakyat faham penderitaan yang terpaksa dihadapi dengan pelaksanaan AES ini. Kerajaan Pusat jangan bazirkan duit rakyat untuk bayar saman. AES tidak akan mendisiplinkan pengguna, sebaliknya meningkatkan kadar kemalangan," ujarinya.

dari muka depan

## AES: Bukan penyelesaian atasi kemalangan jalan raya

"Di London, England, yang masih menggunakan sistem AES, kadar kemalangannya 99 peratus atas 1,000 kereta," kata Mahfuz.

Ini berbeza dengan sebuah bandar di Sweden yang mencatat kadar kemalangan sekitar 10 peratus setiap 1,000 kenderaan walaupun ia menghentikan penggunaan AES.

Di Australia pula kata Mahfuz, sebuah audit ke atas 38 kamera yang dipasang di sebuah bandar mendapati ia tidak mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

"Akhirnya, kamera-kamera itu ditutup, kerana audit mendapati kamera tersebut hanya meningkatkan jumlah saman kepada kerajaan.

"Ini menunjukkan kamera bukan penyelesaian kepada masalah kemalangan jalan raya," Mahfuz berkata.

Dalam kenyataannya Abdul Khalid berkata, perjanjian di antara Kerajaan Pusat dan syarikat yang mengendalikan AES memberikan keuntungan yang berlipat ganda kepada syarikat itu.

## Rizab negeri bina jambatan ketiga di Klang atasi kesesakan



Kanak-kanak juga tidak melepaskan peluang untuk bersalaman dengan Menteri Besar

Oleh AFEEQA AFEERA

KLANG - Kerajaan Negeri akan meneruskan projek pembinaan jambatan ketiga bagi mengatasi masalah kesesakan bandar Klang sekiranya Kerajaan Pusat masih gagal berbuat demikian pada tahun depan, kata Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Menurut Abdul Khalid, Kerajaan Negeri akan menggunakan rizab yang dimiliki untuk melaksanakan projek yang per-

nah dijanjikan Kerajaan Umno-BN sebelum ini.

Beliau berkata, sewaktu pemerintahan Umno-BN terdahulu, mereka berjanji kepada rakyat Klang membina jambatan tersebut, malah melancarkan batu asas bagi membina jambatan tersebut.

"Rakyat Selangor adalah penyumbang terbesar kepada ekonomi negara, kini sudah tiba untuk pulangkan hasilnya kepada rakyat.

"Tahun depan kalau tidak di-

bina jambatan ketiga di Klang, kita akan bina dengan menggunakan rizab negeri. Dengan cara itu kita dapat melaksanakan pembangunan secara saksama di negeri Selangor," katanya semasa menghadiri Majlis Sambutan Deepavali di Jalan Tengku Kelana, di sini.

Terdahulu, pada 2007 Kerajaan Pusat menjanjikan pembinaan jambatan ketiga di Klang bernilai RM230 juta untuk manfaat masyarakat di kawasan itu.

## RM10 juta baik pulih rumah rosak era BN

SHAH ALAM - Sejumlah RM10 juta diperuntukan bagi membaik pulih rumah di 70 kawasan pangsapuri yang dibina semasa era pentadbiran kerajaan Umno-BN.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggalan, Iskandar Samad berkata, bilangan rumah rosak ini disebabkan program setinggalan sifar di bawah Kerajaan BN dibina dengan tergesa-gesa.

Antara kerosakan yang berlaku seperti lif rosak, bumbung dan tangki air bocor, paip tersumbat, kemudahan awam yang

tidak disediakan dan bangunan yang mulai usang.

"Sehubungan itu, Kerajaan Negeri pada bulan Disember 2010 mewujudkan satu program membaik pulih kediaman-kediaman itu melalui kaedah perkongsian kos.

"Oleh kerana permintaan orang ramai, program ini juga dibuka kepada pangsapuri kos sederhana di mana perkongsian kos di antara kerajaan dan penduduk adalah 60 : 40," kata Iskandar dalam kenyataan medianya.

Jelas Iskandar, terdapat pihak

yang tidak bertanggungjawab didakwa menggunakan samseng-samseng untuk menghalang kontraktor yang dilantik untuk melaksanakan kerja-kerja membaik pulih itu.

Ujar beliau, terdapat juga mereka yang didakwa menghasut penduduk agar tidak menerima tawaran di bawah Program Baik-pulih Negeri Berkebajikan (Ceria) itu.

"Kerajaan Negeri membaik pulih tanpa mengira sama ada penduduk pangsapuri itu sokong kerajaan atau tidak," katanya.





Oleh SIRAJ MOHD ZAINI

## Anwar: PR tidak abai masyarakat India

KLANG - Masyarakat India di negara ini tidak akan diabaikan jika Pakatan Rakyat (PR) diberikan peluang memerintah di Putrajaya selepas Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) akan datang.

Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kaum India yang sebelum ini seringkali diabaikan Kerajaan Umno-BN akan diberi perhatian sama-rata seperti kaum-kaum lain yang menjadi penduduk di negara ini.

**Jika 50 tahun dahulu SJKT tidak pernah menerima bantuan khusus bagi pembangunan sekolah, Kerajaan Negeri sekarang beri tiap-tiap tahun RM4 juta untuk semua SJKT di Selangor**

**ANWAR IBRAHIM**  
Penasihat Ekonomi Negeri Selangor

Katanya, contoh terbaik yang ditunjukkan adalah Kerajaan Selangor pimpinan PR di bawah pentadbiran Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim yang memberi peruntukan berjumlah RM4 juta setiap tahun kepada semua Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di negeri ini.

"Jika 50 tahun dahulu SJKT tidak pernah menerima bantuan khusus bagi pembangunan sekolah, Kerajaan Negeri sekarang beri tiap-tiap tahun RM4 juta untuk semua SJKT di Selangor," katanya.

Beliau berkata demikian ketika memberi ucapan sempena lawatannya ke tapak Pesta Deepavali yang berlangsung di Jalan Kelana, Klang di sini.

Turut hadir Exco Selangor, Dr Xavier Jayakumar dan Ronnie Liu serta Ahli Parlimen Klang, Charles Santiago.



Orang ramai tidak melepaskan peluang bersalaman dengan Anwar

Sementara itu, Anwar berkata, semua rakyat di negara ini digesa menanamkan keyakinan kepada PR bagi melaksanakan dasarnya yang terbukti demi kepentingan rakyat.

"Macam-macam kita sudah dengar, daripada mansuhkan

PTPTN, turunkan harga kereta dan pelbagai lagi dasar yang akan dilaksanakan PR jika memerintah Putrajaya.

"Saya sudah tidak mahu lagi gaduh-gaduh soal kaum, kita akan jaga semua kaum dan rakyat di negara ini," katanya.

## Laman web khas bantu PKR

PETALING JAYA - PKR melancarkan laman sesawang khas untuk Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) sebagai usaha memudahkan komunikasi dengan para pengundi dan menjana tenaga untuk membantu parti itu dan Pakatan Rakyat (PR).

Pengarah Komunikasi PKR, Nik Nazmi Nik Ahmad (gambar) berkata, rakyat boleh melayari [www.demirakyat.my](http://www.demirakyat.my) bagi



membolehkan rakyat mengetahui lebih lanjut tentang usaha parti dalam menghadapi pilihan raya terutama melibatkan jentera pilihan raya di peringkat nasional dan kawasan.

"Laman [www.demirakyat.my](http://www.demirakyat.my) akan membolehkan semua rakyat memainkan peranan dalam usaha parti memenangi kerusi-kerusi merentasi persekutuan," kata beliau.

Nik Nazmi berkata demikian dalam sidang media di Ibu Pejabat PKR di sini.

Kata beliau, laman ini dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan baru untuk bayaran secara kad kredit atau menggunakan kaedah lain bagi memastikan segala sumbangan dijana secara langsung kepada gerak kerja pilihan raya.

"Laman ini juga merupakan satu panggilan untuk kita semua bertindak dan dikemaskini setiap hari disamping turut memperkenalkan semua calon PKR yang akan bertanding dalam pilihan raya umum nanti," katanya.

## Dinafi kerakyatan masyarakat India berhimpun di Putrajaya

SHAH ALAM - Satu perhimpunan anjuran Pakatan Rakyat (PR) akan diadakan di pekarangan ibu pejabat Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Putrajaya, 5 Disember depan sekiranya kerajaan tidak menyelesaikan kes ketiadaan MyKad dan sijil kelahiran melibatkan masyarakat India di negara ini.

Naib Presiden PKR, N Surendran berkata, dimaklumkan terdapat hampir 300,000 kes ketiadaan dokumen itu di kalangan masyarakat tersebut setakat ini.

"Kita akan beri tempoh kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan kerajaan supaya menyelesaikan perkara ini dalam tempoh terdekat atau kita akan jalankan perhimpunan besar ini," katanya ketika dihubungi Selangor Kini di sini.

Beliau berkata, ramai masyarakat India dinafikan pemilikan dokumen MyKad dan sijil kelahiran walaupun mereka lahir di negara ini dan sememangnya warganegara.

Berikutan itu tambahnya,

pelbagai masalah terpaksa dihadapi golongan itu seperti kanak-kanak tidak dapat memasuki alam persekolahan.

"Dalam satu kes, S Logeswaran berusia 10 tahun, di mana ibunya mempunyai MyKad, tetapi ayahnya tidak memiliki dokumen itu biarpun ayahnya lahir di negara ini. Akibatnya kerajaan enggan memberikan sijil kelahiran kepada Logeswaran.

"Logeswaran tidak dapat memasuki alam persekolahan. Dalam tempoh tiga tahun dia hanya

**Kita tidak akan beredar sehingga mendapat jawapan jelas daripada pihak berkuasa di JPN**



**N.SURENDRAN**  
Naib Presiden PKR

menghadiri sekolah tiga minggu apabila dipaksa berhenti," katanya yang yakin masih terdapat banyak kes seperti itu melibatkan kanak-kanak lain yang dinafikan hak bagi mendapatkan pendidikan.

Surendran berkata, pihaknya menuntut kerajaan pimpinan Umno-BN menyelesaikan perkara itu segera atau menghadapi kebangkitan rakyat.

"Kita tidak akan beredar sehingga mendapat jawapan jelas daripada pihak berkuasa di JPN," katanya lagi.



# Skim Takaful Seroja lindungi petugas kejranaan

**SERI KEMBANGAN** - Sesuai dengan jolokan negeri berkeadilan, Kerajaan Selangor memperkenalkan skim caruman insurans takaful kepada petugas rondaan kejranaan pangsapuri.

Seiring dengan pelancaran Skim Rondaan Kejranaan (Seroja), caruman sebanyak RM15 setahun ini dibuat sebagai langkah penjagaan keselamatan ketika bertugas melakukan rondaan.

Majlis perasmian yang disempurnakan Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan, Iskandar Abdul Samad ini dimulakan di Pangsapuri A27-A30, Taman Puchong Permai sebagai perintis awal sebelum dikembangkan ke seluruh negeri.

Menurut Iskandar, penyediaan caruman ini membuktikan Kerajaan Negeri prihatin dengan keselamatan petugas dan perkara ini dibuat mengikut standard piawaian.

"Kita akan carumkan insurans takaful kepada mereka supaya mendapat perlindungan sekiranya ada masalah ketika bertugas.

"Bila dibuat mengikut pi-

waian, tidak ada pihak yang boleh pertikai.

"Apa yang penting, kita mahu menghidupkan suasana bermasyarakat," katanya.

Skim ini memperuntukkan hampir RM3,000 kepada setiap JMB, termasuk pemberian 25 vest dan lampu picit.

Sebagai permulaan, Kerajaan Negeri mensasarkan tiga lokasi awal untuk tahun ini dengan menempatkan 100 orang petugas.

Untuk tahun depan, 10 tempat yang dirasakan kritikal akan ditambah dan menjadikannya 13 lokasi secara keseluruhan.

Jelas Iskandar, Skim Seroja ini akan dipantau sepenuhnya Pesuruhjaya Bangunan (COB).

Selain itu, Skim Seroja turut mendapat kerjasama polis, di mana pihak Badan Pengurusan Bertindak (JMB/JMC) perlu mengemukakan nama petugas untuk rekod semakan.

"Untuk tempoh dua tahun kita akan pantau dan bantu. Bila dah tahun kedua atau ketiga, kita akan jadikan ia program tetap dan dimasukkan dalam belanjawan," ujarnya lagi.

Dalam majlis sama, Iskandar tu-



Iskandar sewaktu majlis perasmian Skim Rondaan Kejranaan untuk pangsapuri-pangsapuri di Selangor

rut menyerahkan Sijil Skim Ceria kepada tiga JMB, iaitu Pangsapuri F9-F10 dan Pangsapuri F5-F8 yang mana masing-masing mendapat bantuan membaik pulih lif.

Manakala Pangsapuri Kenangan, Bukit Kinrara mendapat ban-

tuhan mengecat semula 252 unit pangsapuri.

Sementara itu, Pengerusi JMC Blok A27-A30 Pangsapuri Kos Rendah Taman Puchong Permai, Ibrahim Sabar menyambut baik pemilihan kawasannya sebagai

perintis Skim Seroja.

Katanya, dengan adanya skim ini tanggungjawab pihak JMC kini akan lebih besar dan diharapkan semua penduduk akan bekerjasama menjaga keharmonian setempat.

## Selangor Kini

### SIDANG REDAKSI

#### PENASIHAT

Faekah Husin

Arfa'eza Abdul Aziz

#### KETUA PENGARANG

Sheridan Mahavera Mohd Shakir

#### PENGARANG BERITA

Najib Hashim

#### PEN. PENGARANG BERITA

Mohd Ezli Mashut

#### PEMBANTU PENGARANG

Rusidah Salim

#### WARTAWAN

Afix Redzuan: afixredzuan@gmail.com

Afeeqa Afeera: afeeqa\_afeera@yahoo.com

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com

Norhayati Umor: chayunkyat@gmail.com

#### JURU GAMBAR:

Raheemie Arifin & Shuaib Ayob

#### GRAFIK & REKALETAK

Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites,  
No 1, Persiaran Akuatik 13/43, Seksyen 13,  
40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856

Email: newsselangorkini@gmail.com

## Izzah buat aduan kepada JAIS



Nurul Izzah pada sidang media selepas mengemukakan aduan kepada Jais

**SHAH ALAM** - Naib Presiden PKR, Nurul Izzah Anwar bertemu dengan pegawai Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) untuk membuat aduan berkenaan kenyataannya tentang kebebasan beragama yang diputarbelitkan media pro-Umno.

"Alhamdulillah... saya datang ke Jais untuk menyatakan perkara sebenar kepada pengarah Jais, Datuk Marzuki (Hussin) dan alhamdulillah Jais memberikan kerjasama yang baik," kata Nurul Izzah dalam sidang media di lobi Bangunan Jais di sini.

"Saya berikan keratan akhbar fitnah Utusan Malaysia termasuk penjelasan dan transkrip saya," katanya, yang juga Ahli Parlimen Lembah Pantai.

Pertemuan dengan Marzuki bersama tiga pegawai Jais ditemani peguam Fadhlina Sidek.

Menurut peguam Nurul Izzah, Jais memberikan kerjasama baik dalam pertemuan itu dan kita menunggu maklum balas daripada pihak Jais untuk tindakan selanjutnya.

"Kita dari masa ke semasa akan berikan maklumat terkini. Bukan serah diri dan bukan memberikan keterangan, kita memberikan penjelasan perkara sebenar," kata Fadhlina.

Di dalam satu kenyataan media, Marzuki mengesahkan kehadiran Nurul Izzah ke Jais bagi memberikan penjelasan isu tersebut.

Nurul Izzah mendakwa, laporan Utusan Malaysia dan Berita Harian memutarbelitkan kenyataannya di sebuah forum 'Islamic State: Which version? Whose responsibility?' di Subang Jaya, 3 November lalu.



Menteri Besar menerima cenderahati daripada peserta pameran



# Perlu berani terokai industri halal

Oleh NORHAYATI UMOR

KLANG - Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim menyarankan usahawan industri halal yang beragama Islam supaya lebih berani meneroka bidang pengeluaran lain yang mempunyai permintaan tinggi selain daripada produk makanan.

Bidang lain itu antaranya pengeluaran ramuan, kosmetik dan farmaseutikal halal.

Katanya, berdasarkan statistik permohonan sijil halal, bidang-bidang ini diceburi syarikat bukan Islam dan usahawan berbangsa lain yang memonopoli pengeluaran makanan dan minuman serta ru-

mah penyembelihan di negeri itu.

"Kita mesti belajar supaya umat Islam lebih ke depan dalam bidang ini agar dapat menampung permintaan masyarakat setempat," katanya ketika berucap di Majlis Perasmian Halal Festival di Masjid As Syarif, di sini.

Sehubungan itu, beliau minta Jabatan Agama Islam negeri (Jais) supaya merangka langkah-langkah untuk membantu usahawan memperkembangkan industri itu.

"Saya juga berharap program ini diteruskan dan diimarahkan di masjid-masjid yang lain sekitar negeri," katanya.

Sehingga 2011, sebanyak 4,787 sijil halal dikeluarkan kepada pekilang, premis dan rumah sembelihan di negara ini.

Sebanyak 701 syarikat pula diluluskan Pensijilan Halal untuk mengeksport pengeluaran produk ke luar negara.

Di Halal Festival yang berlangsung di masjid As Syarif selama tiga hari itu, sebanyak 30 gerai memamerkan makanan, minuman dan pakaian.

Festival yang dianjurkan Jais itu merupakan kesinambungan penganjuran Karnival Halal Negeri Selangor tahun lalu.



Abdul Khalid bersalaman dengan peserta festival

## Konvensyen hala tuju pendidikan negara

SHAH ALAM - Yayasan Selangor akan menganjurkan Konvensyen Halatuju Pendidikan Negara pada 18 November (Ahad) ini di Dewan Syarahan Universiti Selangor (UNISEL), Seksyen 7 Shah Alam.

Komunikasi Korporat Yayasan Selangor, Saifullah Zulkifli berkata, Konvensyen Halatuju Pendidikan Negara sebagai langkah penambahbaikan terhadap dasar dan sistem pendidikan negara perlu diberikan perhatian.

"Pakar-pakar pendidikan dikumpulkan bagi mengkaji dan membahaskan isu-isu dasar pendidikan di Malaysia dengan perjalanan konvensyen dibahagikan kepada beberapa sesi.

"Sesi pertama merupakan ucapan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku mantan Menteri Pendidikan Malaysia dan Mantan Timbalan Perdana Menteri Malaysia," kata Saifullah dalam kenyataan medianya.

Sidang kedua adalah bengkel pembentangan 15 kertas kerja serentak dengan ulasan berkenaan pelbagai topik yang berlegar di sekitar pendidikan. Sidang terakhir adalah resolusi serta penutup oleh Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Kepada yang berminat untuk hadir sebagai peserta boleh menghubungi pihak Yayasan Selangor di talian 03-79551212 atau hubungi Saifullah Zulkifli 013-3005461, saifullahzulkifli@gmail.com.

Mencorak Masyarakat

unisel  
UNIVERSITI SELANGOR

## PROGRAM "FAST-TRACK" SPM PELAJAR TAHFIZ

ANJURAN YAYASAN PENDIDIKAN ISLAM SELANGOR (YAPIS) DENGAN KERJASAMA UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)

KEMASUKAN  
05 JANUARI  
2013

Program peralihan untuk pelajar aliran Tahfiz memasuki program profesional di UNISEL anjuran YAPIS - UNISEL dengan mengikuti kelas intensif SPM 2013.

### 1 Syarat Kelayakan

- ▶ Pelajar Tahfiz dengan hafalan minimum 10 Juzuk.
- ▶ Berumur 18 tahun ke atas atau memiliki sijil PMR
- ▶ Mempunyai kemahiran 5M (Membaca, Menulis, Mengira, Menghafal & Memikir)
- ▶ Keutamaan kepada pelajar Hafiz 30 Juzuk dengan Sijil Syahadah/ Khatam

### 2 Cara Memohon

- ▶ Muat turun borang permohonan di [www.unisel.edu.my](http://www.unisel.edu.my) atau lengkapkan borang permohonan di bawah dan hantar ke alamat:

2 Sekretariat Program Fast-Track SPM  
Asrama UNISEL Kota Puteri  
No. 2, Jalan Kota Puteri 5/10A  
Seksyen 5, Kota Puteri  
48100 Batu Arang, Selangor Darul Ehsan

### 3 Keterangan Lanjut

- ▶ Layari laman web UNISEL di [www.unisel.edu.my](http://www.unisel.edu.my) atau hubungi:
- 2 Encik Nurdin bin Darman 03-32805140 / 013-8814378
- 2 Encik Ahmadin bin Abdul Rashid 03-60351237 / 013-2103822

Tarikh Tutup Permohonan : 30 Nov 2012  
( Pemohon yang layak akan dipanggil untuk sesi temuduga pada 1 - 15 Disember 2012 )

### BORANG PERMOHONAN

Nama:	<input type="text"/>
Alamat:	<input type="text"/>
No. K/P:	<input type="text"/>
Jantina:	<input type="text"/>
No. Tel:	<input type="text"/>
E-mel:	<input type="text"/>

(KPT/JPT/DFT/US/B06) | (KPT/SP/PTS/DFT/US/B18)

[www.unisel.edu.my](http://www.unisel.edu.my)





▲ Program Jom Shopping Anak Tawas DUN Sementa di Giant Klang Central. Ahli Majlis MBSA, Dr Daroyah Halim meraikan kanak-kanak kembar tiga yang merupakan kumpulan pertama mengikuti program Tawas pada 2008



▲ RINGAN BEBAN... waris arwah Ismail Hussian, menerima sumbangan pertama sebanyak RM1,000 menerusi Skim Mesra Usia Emas (SMUE) daripada Adun Hulu Kelang, Saari Sungib



▲ SIMPATI... walaupun sibuk, Adun Kinrara, Teresa Kok Suh Sim, meluangkan masa menziarah keluarga Ma Yusof Jumari yang mati lemas di sungai, di Kampung Tengah, Batu 13 Puchong



▲ Adun Pandamaran, Ronnie Liu Tian Khiew, mengadakan lawatan ke pasar malam Jalan Kastam di Kampung Raja Uda, bersama ketua kampung, Mohamad Khalid dan Ahli Majlis merangkap YDP PAS, Klang, Ismail Arsat



▲ Ahli Majlis MPK, Azmizam Zaman Huri Bersama pasukan futsal AMK Kota Raja, menyertai pertandingan Futsal Piala Rakyat anjuran AMK Malaysia di Sport Planet Ampang



▲ Adun Bangi, Dr Shafie Abu Bakar bersama peserta konvoi Alternative Riding Club (ARC) dengan tema 'Ride 4 Charity' yang akan berlepas ke Thailand



▲ MENCUIT HATI... Majlis Konvokesyen Ke-15, Pusat Perkembangan Minda Kanak-kanak, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, berlangsung penuh meriah dengan pelbagai persembahan daripada murid tadika



▲ Adun Telok Datok, Philip Tan Choon Swee, memberikan sumbangan beg dan buku tulis kepada Sekolah Kebangsaan Sungai Manggis



▲ PRIHATIN... Exco Permodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam dan Pembangunan Usahawan, Yaakop Sapari, melawat mangsa banjir di RTB Bukit Changgang Kuala Langat



# Kemajuan IKS Gombak jadi inspirasi Kuala Langat

Oleh HAFIZAN TAIB

**GOMBAK** - Lawatan sekumpulan ketua kampung daerah Kuala Langat ke beberapa kampung di sini untuk melihat industri kecil dan sederhana (IKS) menjadi pencetus idea untuk membawa pulang cara mengurus IKS di situ ke kampung mereka.

Penolong Pegawai Daerah Kuala Langat, Mohamad Zamir Shah Hamzah berkata, ketua-ketua kampung tersebut mengambil kesempatan mendalami dan mempelajari pengurusan IKS di Gombak.

Menurutnya, kira-kira 80 pengerusi serta urus setia Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) melawat Kampung Damai, Kundang dan Serai.

"Kampung Damai di Kuang contohnya sudah mempunyai pusat pengumpulan IKS.

"Jadi ia adalah peluang ter-

baik bagi kita belajar cara pengurusan daripada JKKK kampung berkenaan cara mereka memajukan IKS di kawasan ini.

"Kita juga bertukar-tukar idea dan pandangan dengan pengurusan daerah Gombak dan JKKK di sini kerana kawasan di sini, kemajuan industri beratnya lebih ke hadapan berbanding dengan Kuala Langat.

"Ia juga lawatan balas kerana sebelum ini kita pernah dikunjungi rombongan JKKK daerah Gombak," katanya kepada Selangor Kini, di sini.

Dalam lawatan itu, rombongan tersebut dibawa melawat beberapa tempat seperti Pusat Pengumpulan IKS di Kampung Damai, Kuang, kilang Motor Teknologi & Industri Sdn Bhd dan Pusat Equestrian di Rawang.

Penghulu Kanan Daerah



Ketua kampung diberi penerangan tentang pengendalian serta fungsi mesin di kilang Motor Teknologi

Gombak, Izenan Basar berkata, lawatan rombongan JKKK Kuala Langat itu satu cara bagi mengeratkan hubungan si-

laturahim yang sedia terjalin antara dua daerah.

Beliau menjelaskan, pihaknya berbangga kerana men-

jadi tuan rumah dan sedia memberikan kerjasama terhadap segala bantuan diperlukan.

## Kafe warga asing disita

**SHAH ALAM** - Sembilan buah kedai makan dan kafe yang diuruskan warga asing, diserbu penguatkuasa Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), polis dan Jabatan Imigresen Selangor dalam operasi di sekitar kawasan Seri Muda, Shah Alam di sini.

Kedai makan yang disewa kepada warga asing dari Myanmar, Nepal dan Bangladesh ini didakwa dijalankan tanpa lesen perniagaan yang sah dan dipercayai turut dijadikan tempat tinggal mereka.

Pegawai Penguatkuasa MBSA, Khairul Hanif Abu Taib yang mengetuai operasi berkenaan berkata, operasi dijalankan setelah menerima aduan orang awam.

Pemantauan berterusan dibuat bagi mengenal pasti premis yang didapati melanggar peraturan yang ditetapkan.

"Sebanyak sembilan premis yang berada di tingkat dua bangunan disita kerana menjalankan perniagaan tanpa lesen sah dan seperti sedia maklum, warga asing memang tidak dibenarkan berniaga dan menjalankan perniagaan di Malaysia," katanya ketika ditemui sejeurus selesai operasi itu.

Katanya, kesemua premis ini dipercayai dimiliki warga tempatan, namun disewakan kepada warga asing untuk



Penguatkuasa MBSA sedang mengumpul barang-barang yang disita

digunakan sebagai kedai makan serta tempat kediaman secara tidak sah.

"Kesemua pemilik premis ini akan disiasat dan mereka boleh didakwa di bawah Undang-undang Kecil Perlesenan, Perniagaan dan Perindustrian MBSA 2007," jelasnya lagi.

Sementara itu, seramai 15 orang warga asing berusia 20 tahun ke atas ditahan dalam operasi yang sama kerana gagal menunjukkan bukti penge-

nalan diri yang sah.

Timbalan Penolong Pengarah Jabatan Imigresen Selangor, Amri Othman berkata, seramai tiga orang warga Indonesia, sembilan orang warga Myanmar dan tiga orang warga Nepal ditahan di dalam operasi itu.

Operasi bersepadu ini disertai seramai 60 orang penguatkuasa MBSA, 33 orang polis dan 13 orang pegawai Imigresen Selangor.

## Jambatan Tembusu mula dibaiki

**SHAH ALAM** - Berhubung insiden jambatan runtuh di Jalan Tembusu, Kampung Melayu Subang baru-baru ini, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mengarahkan Jabatan Kejuruteraan melaksanakan kerja-kerja pembaikan.

Timbalan Pengarah Korporat MBSA, Shahrin Ahmad berkata, berdasarkan pemeriksaan terperinci, MBSA mendapati bahawa hakisan itu berpunca daripada aliran air dari kawasan longkang yang tidak mengikut saluran sepatutnya.

"Untuk jangka masa pendek, MBSA melakukan kerja-kerja tambakan asas jalan dengan menggunakan batu campuran (crusher run). Pada masa sama, MBSA juga akan mengkaji kaedah terbaik untuk memperbaiki struktur jambatan tersebut bagi memastikan kejadian sama tidak berulang," katanya menerusi khidmat pesanan ringkas.

Penduduk yang tinggal di 14 buah rumah di kawasan itu menghadapi kesukaran untuk membawa kenderaan keluar ekoran jambatan yang menjadi laluan utama mereka runtuh akibat hujan lebat.

Struktur jambatan yang lemah itu juga membahayakan pejalan kaki kerana dikhuatiri akan terjatuh.

Malah penduduk juga berdepan risiko bahaya kerana jambatan tersebut mula terhakis dan membentuk dua lubang sedalam dua meter.



## Kerajaan Negeri cadang tambah Tadika Rakyat

**PETALING JAYA** - Kerajaan Negeri bercadang untuk membina tiga buah Tadika Rakyat lagi di kawasan Serendah, Kapar dan Dengkil.

Pembinaan tadika tersebut merupakan kesinambungan daripada dua tadika sedia ada, iaitu di Taman Sentosa dan Kampung Lindungan.

Exco Kesihatan, Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin, Dr Xavier Jayakumar berkata, pendidikan pra-sekolah adalah langkah awal untuk mempersiapkan kanak-kanak sebelum menempuh alam persekolahan kelak (sekolah rendah).

Beliau berkata, pendediaan awal terhadap aspek pendidikan akan melahirkan

generasi yang cemerlang dan bijak pandai serta mewujudkan persaingan sihat di kalangan para pelajar.

"Berdasarkan kajian, masih terdapat 30 peratus kanak-kanak yang tidak mendaftar di mana-mana tadika kerana tidak mampu untuk membayar yuran bulanan.

"Ekorandariaditu, kebanyakan kanak-kanak ini ketinggalan dari aspek pendidikan, seperti tidak tahu menulis, mengira ataupun membaca.

"Hal ini menyebabkan mereka akan tercicir apabila masuk ke sekolah rendah nanti dan menimbulkan masalah serius untuk jangka masa panjang.

Kurangnya pendedahan

pendidikan di peringkat awal antara punca yang menyumbang kepada gejala sosial," katanya semasa Majlis Perasmian Tadika Rakyat di sini, baru-baru ini.

Tadika Rakyat di Kampung Lindungan merupakan cawangan kedua yang dibina Kerajaan Negeri bersama badan bukan kerajaan (NGO), Child Information, Learning and Development Centre (Child) bagi membantu keluarga berpendapatan bawah RM1,500 untuk mendaftar anak-anak mereka di tadika.

Tadika yang bernilai kira-kira RM460,000 itu dilengkapi lapan buah kelas dan mampu menempatkan kira-kira 20 orang murid setiap kelas.



**Kanak-kanak tadika ini manis berpakaian tradisional sewaktu membuat persembahan**

## RM20,000 cipta video pendek alam sekitar



**Datuk Bandar Shah Alam, Jaafar Atan bersama timbalan dan Ahli Majlis, memotong kek perasmian pertandingan**

Oleh AFEEQA AFEERA

**SHAH ALAM** -Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menawarkan hadiah berjumlah RM20,000 kepada pemenang pertandingan video pendek bertemakan kebersihan dan penjagaan alam sekitar.

Timbalan Pengarah Korporat MBSA, Shahrin Ahmad berkata, pertandingan itu terbahagi kepada dua kategori iaitu terbuka dan kategori pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS).

Beliau berkata, pertandingan yang berlangsung dari 7 No-

vember 2012 hingga 7 Januari 2013 itu bertujuan mendidik masyarakat supaya bersama-sama menggalas tanggungjawab menjaga kebersihan bandaraya Shah Alam.

"Bagi kategori terbuka, johan akan menerima wang tunai RM5,000 dan sijil penyertaan, kedua RM3,000 dan sijil penyertaan, ketiga RM2,000 dan sijil penyertaan serta lima hadiah saguhati berupa wang tunai berjumlah RM500 berserta sijil penyertaan.

"Manakala bagi kategori IPTA dan IPTS, juara akan menerima wang tunai RM3,000 dan

sijil penyertaan, kedua RM2,000 dan sijil, ketiga RM1,000 serta lima hadiah saguhati berupa wang tunai berjumlah RM300," katanya.

Katanya, antara syarat-syarat pertandingan adalah durasi video tidak melebihi 10 minit, video yang dihasilkan boleh dalam bentuk animasi, filem pendek, dokumentasi atau mengikut kreativiti masing-masing.

Jelasnya, setiap video yang dihantar mestilah mempunyai nilai-nilai amalan kebersihan dan mempunyai sinopsis atau jalan cerita dengan format video dalam bentuk mpeg.

### Talian Hotline Kutipan Sampah

Anda mahu buat aduan sampah yang tidak dikutip dan longkang tersumbat di kawasan komuniti, di mana anda tidak tahu ke mana dan siapa yang perlu dilapor? Kami sediakan talian bebas tol 1800 88 2824. Talian ini beroperasi 24 jam atau terus ke nombor PBT seperti yang tertera

#### MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

Tel : 03-4296 8000; Hotline : 1-800-22-8100

#### MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

Tel : 03-60641331 SMS: taip "mdhs aduan" hantar ke 15888. Semak aduan, status, taip "mdhs semak" hantar ke 15888

#### MAJLIS PERBANDARAN KLANG

www.mpklang.gov.my

Kutipan Sampah: Klang Utara: 016-2720406 (Kamachy);  
Klang Selatan: 016-2506796 (Razif)

Pembersihan awam (Jalan dan Longkang)

Klang Utara : 019-2245387 (Haji Nasirun);

Klang Selatan: 016-3824471 (Loganathan)

Talian: 03-3372 4820 / 6781 / 1-800-88-23826 (Toll-free)

#### MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

www.mdkl.gov.my Tel: 03-3187 2825 SMS: Taip

"MDKLADUAN < aduan >" dan hantar kepada 15888.

#### MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

www.mdks.gov.my Tel: 03-3289 1439

#### MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

www.mdsb.gov.my Tel: 03-3224 1655 / 1000

#### MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

www.mps.gov.my

Bebas tol: 1800-22-2677 Tel: 03 - 6120 8953

#### MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

www.mpsepang.gov.my Tel: 03-8319 0200 / 0300

#### MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

www.mbsa.gov.my

Tel: 03-5510 5461 / 03-5513 0878

#### MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

www.mpsj.gov.my

Tel: 03-8026 3131 / 5637 6545

#### MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

www.mbpj.gov.my

Tel: 03-79542020 (24-jam hotline) / 03-79563544 (am)

SMS: Taip "MBPJADUAN [ aduan ]" dan hantar ke 33213



## Laman dapur jana pendapatan suri rumah

SHAH ALAM - Bagi meningkatkan pendapatan suri rumah di Selangor, Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (Pekawanis) menganjurkan program Laman Dapur yang mana golongan ini boleh menjana pendapatan melalui pertanian.

Pengerusinya, Puan Sri Salbiah Tunut (*gambar*) berkata, program ini bukan hanya membantu golongan wanita meningkatkan sumber pendapatan keluarga, malah menggalakkan mereka untuk memanfaatkan hasil bumi (tanah) dengan baik.

"Kalau boleh, saya berharap masyarakat khususnya penduduk kampung dapat menggunakan kesempatan yang ada ini untuk menambah pendapatan mereka dengan bercucuk tanam.

"Aktiviti penanaman sebegini memberi pelbagai manfaat dan ilmu pengetahuan kepada wanita tentang aspek-aspek penjagaan tumbuh-tumbuhan," katanya semasa menghadiri taklimat Laman Dapur di Kediaman Rasmi

Menteri Besar, di sini.

Program yang dimulakan sejak 2009 itu memberi bimbingan dalam bentuk kursus untuk membantu peserta melaksanakan projek pengairan titis berkonsepkan pertanian alam dengan sendiri.

Dalam program ini seramai 18 peserta untuk peringkat pertama yang terpilih daripada seluruh negeri menghadiri sesi taklimat teori dan praktikal, diberi penjelasan berkenaan penanaman Kacang Bendi menggunakan teknik beg kompos dengan betul dan sistematik.

Sejumlah RM50,000 diperuntukkan untuk melaksanakan projek Laman Dapur, di mana setiap peserta diberikan sebanyak RM2,700 dalam bentuk pakej, antaranya 250 polibeg baja kompos, benih tanaman serta tangki dan sistem saliran air.

Sementara itu, Setiausaha Kehormat Pekawanis, Noraini Samudin berkata, konsep pertanian Laman Dapur adalah berdasarkan kaedah organik dan mesra alam tanpa menggunakan racun.



Dr Rani menyampaikan Anugerah Peserta Harapan 2012, kepada Rosminy Zainol sambil diperhatikan Ahli Parlimen Kuala Selangor, Dzulkefly Ahmad

## SKIMSEL berkembang di setiap daerah

Oleh HAFIZAN TAIB

KUALA SELANGOR - Seramai 6,531 peserta atau sadiq dari seluruh Selangor telah menikmati pembiayaan Skim Mikrokredit Selangor (Skimsel) berjumlah lebih RM35.8 juta sehingga September lalu.

Eksekutif Kanan Operasinya, Normaizah Yahya (*gambar*) berkata, Skimsel mensasarkan rakyat Selangor berpendapatan rendah atau di bawah garis kemiskinan untuk dibantu keluar dari belenggu itu.

Menurutnya, program tersebut kini dijalankan di sembilan daerah dengan sembilan cawangan dibuka melibatkan 40 mukim seluruh Selangor.

"Dengan mandat diberikan Menteri Besar, di samping peruntukan tambahan RM50 juta, kita kini menetapkan sasaran penyertaan 20,000 peserta dalam program ini," katanya kepada Selangor Kini, baru-baru ini.

Normaizah ditemui dalam

program Majlis Jalinan Kasih Skimsel 2012 di Stadium Kuala Selangor, di mana seramai lebih 800 sadiq menyertainya.

Bagi Kuala Selangor, beliau berkata, 1,052 sadiq menikmati pembiayaan itu melibatkan peruntukan lebih RM2.3 juta setakat ini.

Jelasnya, matlamat program bukan sekadar memberi pembiayaan, tetapi dengan tumpuan meningkatkan pendapatan sadiq sekurangnya RM1,000 sebulan.

Menurutnya, pembayaran semula program itu juga amat berjaya dengan hampir semua peserta mampu membayar kembali mengikut jadual.

"Program di daerah ini dijalankan kali pertama dengan objektif mengeratkan hubungan semua sadiq yang dibantu.

"Ia juga beri pendedahan kepada sadiq mengenai tatacara kerja berkumpulan organisasi, membantu rakan kerja serta beri sokongan dalam menjalankan aktiviti bersama," katanya.

Pengerusi Skimsel Selangor, Dr Abdul Rani Othman dalam ucapan perasmian berkata, amanah dan tanggungjawab yang diberikan akan dipegang dengan kesungguhan supaya semua rakyat menikmati hasil negeri dengan adil.



### TERHIBUR...

Keceriaan pelajar Tahun 3, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Pin Hwa 1, jelas terpancar di wajah masing-masing sebaik dibawa ke program 'Ranger Kancil Zoo Negara Tour', hasil inisiatif Adun Sungai Pinang, Datuk Teng Chang Khim. Program kali ketiga ini disertai 190 orang pelajar. Sebelum ini, SJKC Pin Hwa dan SJKC Kong Hoe merupakan sekolah terawal yang menyertai program ini.





# RM40,000 naik taraf peparitan atasi banjir

Oleh NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Masalah kejadian banjir yang kerap melanda kampung Jenjarum akan dapat diatasi sepenuhnya apabila Kerajaan Negeri menyalurkan peruntukan sejumlah RM40,000 bagi mengatasi masalah tersebut.

Peruntukan yang disalurkan melalui pejabat Adun Teluk Datuk itu akan diguna bagi menaik taraf dan penyelenggaraan peparitan di sepanjang Jalan Kampung Jenjarum di kampung terbabit.

Menurut Adun Teluk Datuk, Philip Tan Choon Swee, walaupun kerja-kerja projek tersebut hanya dimulakan seawat-awatnya pada bulan hadapan, tetapi tindakan awal untuk mengawal banjir daripada terus berlaku telah diambil.

"Dahulu, bila banjir, empat atau lima hari baru air surut, tetapi sekarang jarang berlaku sebab sebelum ini kita sudah bersihkan parit-parit dan buka sekatan di parit berhampiran gerai-gerai yang terdapat di situ.



Philip Tan dan wakil MDKL meninjau kerja-kerja mengorek longkang tersumbat

"Cuma sekarang sebab hujan terlalu lebat setiap hari dan air pula sedang pasang, menyebabkan air naik, tetapi tidaklah seteruk dahulu dan ia berlaku dua hingga tiga jam sahaja sudah surut semula.

"Kalau projek naik taraf siap nanti, saya yakin masalah banjir tidak berlaku

lagi," kata beliau.

Selain itu Choon Swee juga meminta supaya Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) bertemu dengan sebuah syarikat pemaju yang sedang giat menyiapkan sebuah projek perumahan berhampiran kawasan yang sering dilanda banjir itu.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
16 - 23 NOVEMBER 2012							
2 - 9 MUHARRAM 1434							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
16 Jumaat	5:30	5:40	7:00	1:01	4:23	6:58	8:11
17 Sabtu	5:30	5:40	7:01	1:01	4:23	6:58	8:11
18 Ahad	5:31	5:41	7:01	1:01	4:23	6:58	8:11
19 Isnin	5:31	5:41	7:01	1:01	4:23	6:59	8:12
20 Selasa	5:31	5:41	7:01	1:02	4:24	6:59	8:12
21 Rabu	5:31	5:41	7:02	1:02	4:24	6:59	8:12
22 Khamis	5:31	5:41	7:02	1:02	4:24	6:59	8:12
23 Jumaat	5:32	5:42	7:02	1:02	4:25	6:59	8:13

Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
16 Jumaat	5:32	5:42	7:02	1:03	4:25	7:00	8:13
17 Sabtu	5:33	5:43	7:03	1:03	4:25	7:00	8:13
18 Ahad	5:33	5:43	7:03	1:03	4:25	7:00	8:13
19 Isnin	5:33	5:43	7:03	1:03	4:25	7:01	8:14
20 Selasa	5:33	5:43	7:04	1:04	4:26	7:01	8:14
21 Rabu	5:33	5:43	7:04	1:04	4:26	7:01	8:14
22 Khamis	5:33	5:43	7:04	1:04	4:26	7:01	8:14
23 Jumaat	5:34	5:44	7:04	1:04	4:25	7:01	8:15

"Saya dah minta Pegawai MDKL agar bertemu dengan pemaju dan arahkan mereka segera bina sistem peparitan bagi projek perumahan mereka dengan lebih sesuai dan sempurna.

"Biasanya pemaju akan bina bangunan dahulu, peparitan kemudian dan ini menjadikan air di kawasan itu mudah mengalir di kawasan kampung," katanya lagi.

dari muka 14

## Dakwaan tidak berasas

"Jadi adalah satu perkara yang kurang bijak jika kita melaksanakannya kerana Yayasan Selangor akan kehilangan RM40 juta.

"Jadi kalau hendak dimajukan maknanya perlu kepada nilai tanah tersebut yang berjumlah RM50 juta.

"Daripada Yayasan Selangor kehilangan RM40 juta, maka lebih baik Kerajaan Negeri ambil balik," kata Ilham ketika dihubungi Selangor Kini.

Sebelum ini pemimpin Umno-BN dan beberapa NGO mempertikaikan keputusan Kerajaan Negeri dalam mengambil balik tanah tersebut.

Mereka mendakwa tanah itu akan digunakan untuk membina Pusat Kebudayaan Cina.

Ilham menjelaskan Kerajaan Negeri mengambil balik tanah itu pada 2011 setelah syarikat itu gagal membangunkan tanah tersebut.

"Setahu saya tiada apa-apa cadangan untuk bina Pusat Kebudayaan Cina seperti yang didakwa," kata Ilham.

**selangorku**

**PROGRAM HARI BERTEMU PELANGGAN (HBP) DAN KAUNTER ADUAN BERGERAK BERSEPADU PERINGKAT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR BERSAMA BIRO PENGADUAN AWAM**

**10.00 PAGI - 10.00 MALAM**  
**17 - 18 NOVEMBER 2012**  
**AEON, RAWANG**

AMANAHRAYA





Oleh MOHD EZLI MASHUT

SHAH ALAM - Yayasan Selangor (YS) akan kehilangan kira-kira RM40 juta jika Kerajaan Negeri tidak mengambil balik tanah di Klang yang diberikan kepada sebuah syarikat oleh pentadbiran Umno-BN lapan tahun dulu.

Pengurus Besarnya, Ilham Marzuki berkata, tindakan Kerajaan Negeri merupakan keputusan bijak kerana tanah tersebut mempunyai nilai hartanah yang tinggi disebabkan lokasinya terletak di kawasan komersil.

Tanah Lot PT 4221 yang berkeluasan 16 ekar itu diberi-

## Selangor rugi RM40 juta jika tidak ambil balik tanah



**MERIAH...** Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan Adun Kota Alam Shah M Manoharan bersama-sama rakyat dalam Majlis Sambutan Deepavali yang diadakan di Jalan Tengku Kelana, Klang

### KRONOLOGI Pengambilan Tanah Yayasan Selangor

**2002** Kerajaan Negeri (Umno-BN) beri tanah kepada YS

**2004** Perjanjian antara YS dengan syarikat bukan bumiputera Persada Istimewa untuk bangunan tanah

**2009** Kerajaan Negeri keluarkan geran tanah kepada YS

**2011** Kerajaan Negeri ambil semula tanah tersebut

**2012** Masih tiada pembangunan di tanah itu

kan oleh Kerajaan Umno-BN dahulu kepada YS pada tahun 2002. Pada 2004, YS memeterai satu perjanjian dengan sebuah

syarikat swasta, Persada Istimewa Sdn Bhd yang bukan milik bumiputera.

"Mengikut perjanjian yang

dimeterai pada 2004, sebenarnya pulangan tidak lumayan kerana hanya dijanjikan RM10 juta, walhal nilai tanah sekarang

ini adalah sekurang-kurangnya RM50 juta.

[Lihat muka 13](#)

Untuk informasi & berita terkini  
Layari [www.selangorku.com](http://www.selangorku.com)

**mediaselangorku**

<http://www.selangorku.com/?feed=rss2>  
<http://twitter.com/#!/mediaselangorku/>  
<http://www.facebook.com/MediaSelangorku>

BERITA/ ARTIKEL/ VIDEO